


## KPDNHEP rakam ucapan takziah pemergian Nurammar

Sofian Baharom  
01 Oktober 2019 10:10 AM



**PUTRAJAYA 1 Okt.** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) merakamkan ucapan takziah kepada ahli keluarga Presiden Persatuan Pengilang dan Industri Perkhidmatan Bumiputra Malaysia (PPIPBM), Allahyarham Datuk Nurammar Abu Bakar. Nurammar telah meninggal dunia di Sarajevo, Bosnia Herzegovina kelmarin.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, Allahyarham adalah sebahagian daripada delegasi KPDNHEP yang telah menyertai pameran Sarajevo Halal Fair 2019 yang telah berlangsung daripada 26 hingga 28 September lalu.

"Beliau telah ikut serta dalam sesi dialog usahawan Malaysia-Bosnia Herzegovina yang saya pengerusikan. Allahyarham merupakan antara yang sangat aktif dalam usaha meningkatkan hubungan perdagangan Malaysia dan Bosnia dan Herzegovina melalui jaringan yang beliau ketuai.

"Kementerian amat menghargai jasa dan sumbangan Allahyarham kepada program dan usaha KPDNHEP selama ini. Beliau adalah salah seorang daripada ahli Majlis Penasihat Pengguna (MPPN) yang dilantik oleh Kementerian bagi sesi 2017-2019," katanya di sini hari ini.

Media semalam melaporkan Nurammar menghembuskan nafas terakhir di bilik hotel selepas dipercayai terkena serangan jantung.

Kepada seluruh ahli keluarga Allahyarham, jelas Saifuddin Nasution, semoga dapat bersabar dan marilah mendoakan agar Allah mencucuri rahmat ke atas rohnya. - UTUSAN ONLINE